

PHARMANIAGA CIPROFLOXACIN TABLET

Ciprofloxacin (as Hydrochloride) 500mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. No siri

Apakah kegunaan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet

Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet digunakan untuk merawat atau mencegah jangkitan tertentu yang disebabkan oleh bakteria, termasuk jangkitan saluran pernafasan, mata, telinga, saluran kencing, organ genital, saluran gastrousus, kulit, tulang dan sendi, sepsis, jangkitan pada individu dengan imuniti yang lemah.

Rawatan perlu dilakukan oleh doktor yang berpengalaman dalam merawat jangkitan yang teruk.

Bagaimana Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet berfungsi

Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet adalah antibiotik yang tergolong dalam keluarga fluoroquinolone. Bahan aktif ialah Ciprofloxacin.

Ciprofloxacin membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan dengan menghalang penghasilan enzim penting untuk DNA bakteria. Ia hanya berfungsi terhadap strain bakteria tertentu.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet berfungsi

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet jika:

- Anda alah (hipersensitif) kepada Ciprofloxacin hydrochloride, ubat-ubatan quinolone lain atau mana-mana

bahan lain yang terdapat dalam Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet

- Anda sedang mengambil ubat yang dipanggil tizanidine

-Sebelum mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet

Anda tidak boleh mengambil ubat antibakteria fluoroquinolone, termasuk Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet, jika anda pernah mengalami kesan sampingan yang teruk semasa mengambil fluoroquinolone (lihat bahagian Perkara yang perlu diberi perhatian dan Kesan sampingan). Dalam keadaan ini, anda perlu memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:-

- Pernah mengalami masalah buah pinggang kerana rawatan anda mungkin perlu disesuaikan
- Mengalami epilepsi atau masalah neurologi yang lain
- Mempunyai sejarah masalah tendon semasa menggunakan antibiotik seperti Ciprofloxacin
- Menghidapi *myasthenia gravis* (sejenis kelemahan otot)
- Mempunyai sejarah rentak jantung tidak normal (*arrythmia*)
- Telah didiagnosis dengan pembesaran atau "bengkak" saluran darah besar (*aneurisma aorta* atau *aneurisma perifer*al salur darah besar)
- Pernah mengalami diseksi *aorta* (koyak pada dinding *aorta*)
- Mempunyai sejarah keluarga yang menghidap *aneurisme aorta* atau diseksi *aorta* atau faktor risiko lain seperti gangguan tisu penghubung (sindrom *Marfan*, sindrom *Ehlers-Danlos* vaskular), gangguan vaskular seperti *arteritis Takayasu*, *arteritis* sel gergasi, penyakit *Behcet*, tekanan darah tinggi, atau aterosklerosis yang diketahui

Untuk merawat beberapa jangkitan pada saluran genital, doktor anda akan memberi antibiotik lain selain Ciprofloxacin. Jika tiada peningkatan

simptom selepas 3 hari rawatan, sila berunding dengan doktor anda.

Kehamilan dan penyusuan

- Sebaiknya elakkan penggunaan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet semasa mengandung. Beritahu doktor anda jika anda merancang untuk hamil.
- Jangan ambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet semasa menyusukan anak kerana Ciprofloxacin dikeluarkan dalam susu ibu dan boleh membahayakan anak anda.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Ubat-ubatan berikut diketahui berinteraksi dengan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet dalam badan anda. Pengambilan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet bersama ubat-ubatan ini boleh mempengaruhi kesan terapeutik ubat tersebut dan meningkatkan kemungkinan kesan sampingan.

Sesetengah ubat mengurangkan kesan ciprofloxacin. Beritahu doktor anda jika anda mengambil atau ingin mengambil:

- Antasid
- Omeprazole
- Suplemen mineral
- Sukralfat
- Pengikat fostat polimerik (contoh, *sevelamer* atau *lanthanum carbonate*)
- Ubat atau suplemen yang mengandungi kalsium, magnesium, aluminium atau zat besi

Jika persediaan ini adalah penting, ambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet kira-kira dua jam sebelum atau tidak lebih awal daripada empat jam.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil:

- Antagonis vitamin K (contohnya, warfarin, acenocoumarol,

PHARMANIAGA CIPROFLOXACIN TABLET

Ciprofloxacin (as Hydrochloride) 500mg

- phenprocoumon, atau fluindione) atau *anticoagulant oral* lain (untuk mencairkan darah)
- Theophylline (merawat masalah pernafasan)
 - Phenytoin (untuk epilepsi)
 - Cyclosporin (untuk keadaan kulit, arthritis reumatoid dan pemindahan organ)
 - Probenecid (untuk merawat gout)
 - Metoclopramide (untuk mual dan muntah)
 - Penenang otot (*muscle relaxant*)
 - ubat antidepresan
 - Ropinirole (untuk rawatan penyakit Parkinson)
 - Methotrexate (untuk kanser tertentu, psoriasis, arthritis reumatoid)
 - Tizanidine (untuk kekejangan otot dalam *multiple sclerosis*)
 - Ubat antipsikotik (contohnya, olanzapine dan clozapine)
 - Ubat lain yang boleh mengubah rentak jantung anda, seperti ubat *anti arrhythmia* (contohnya quinidine, hydroquinidine, disopyramide, amiodarone, sotalol, dofetilide, ibutilide), *tricyclic antidepressants*, sesetengah *antimicrobial* (dalam kumpulan *macrolide*), sesetengah antipsikotik
 - Zolpidem (untuk gangguan tidur)

Ciprofloxacin boleh meningkatkan tahap ubat-ubatan berikut dalam darah anda:

- Pentoxifylline (untuk gangguan peredaran darah)
- Kafein
- Duloxetine (untuk kemurungan, kerosakan saraf akibat diabetes atau inkontinens)
- Lidocaine (untuk keadaan jantung atau penggunaan anestetik)
- Sildenafil (untuk disfungsi ereksi)
- Agomelatine (untuk kemurungan)

Cara menggunakan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Ikuti semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor anda akan menerangkan dengan tepat berapa banyak Ciprofloxacin yang anda perlu ambil, kekerapan dan tempoh penggunaannya. Dos ini akan bergantung pada jenis jangkitan yang anda alami dan tahap keterukannya.

Jika anda warga emas atau mempunyai penyakit buah pinggang atau hati, doktor anda mungkin akan menetapkan dos Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet yang lebih rendah.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan sepertimana diberi oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

Jangan berhenti mengambil ubat, walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali atas nasihat doktor anda. Jangkitan anda mungkin tidak sembuh sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat terlalu awal.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda ataupun orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat sepertimana diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Sekiranya perlu mendapat rawatan lain, pastikan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi dimaklumkan bahawa anda

sedang mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Ambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet hanya dengan preskripsi doktor.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali atas arahan doktor.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi.

Jangan memberi Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet kepada sesiapa walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda tiba-tiba merasa sakit yang teruk di bahagian perut, dada atau belakang, pergi ke jabatan kecemasan dengan segera.

Kesan sampingan yang berpanjangan, melumpuhkan dan berpotensi tidak dapat dipulihkan

Ubat antibakteria Fluoroquinolone, termasuk Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet, telah dikaitkan dengan kesan sampingan yang sangat jarang tetapi serius, beberapa di antaranya berpanjangan (berlanjutan bulan atau tahun), melumpuhkan atau berpotensi tidak dapat dipulihkan.

Berhenti mengambil antibiotik fluoroquinolone anda dan segera hubungi doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai tanda-tanda kesan sampingan berikut:

- Tendon sakit atau bengkak, sering bermula di pergelangan kaki atau betis. Sekiranya ini berlaku, rehatkan kawasan yang menyakitkan sehingga anda dapat berjumpa dengan doktor anda.
- Sakit pada sendi anda atau bengkak di bahu, lengan, atau kaki anda.
- Kesakitan atau sensasi yang tidak normal (seperti dicucuk pin dan jarum yang berterusan, menggelitik, kebas atau terbakar), kelemahan pada badan anda, terutama pada kaki atau lengan atau kesukaran berjalan.

PHARMANIAGA CIPROFLOXACIN TABLET

Ciprofloxacin (as Hydrochloride) 500mg

- Keletihan yang teruk, mood yang tertekan, kegelisahan, masalah ingatan, atau masalah tidur yang teruk.
- Perubahan penglihatan, rasa, bau, atau pendengaran anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai salah satu kesan di atas semasa atau tidak lama selepas mengambil fluoroquinolone - ini bermakna anda harus menjauhinya dari masa depan. Anda, doktor dan juga ahli farmasi anda akan memutuskan untuk meneruskan rawatan dengan mempertimbangkan juga antibiotik dari kelas lain.

Anda mungkin mengalami masalah kesihatan mental walaupun semasa mengambil/menggunakan antibiotic fluoroquinolone, termasuk Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet buat kali pertama. Dalam kes yang sangat jarang, kemurungan atau masalah kesihatan mental telah menyebabkan pemikiran untuk membunuh diri dan tingkah laku mencederakan diri seperti percubaan bunuh diri. Jika anda mengalami reaksi seperti ini, hentikan pengambilan/penggunaan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet dan maklumkan kepada doktor anda dengan segera.

Tendinitis dan pecah tendon

Kesakitan dan bengkak pada sendi dan keradangan dan koyak pada tendon jarang berlaku. Risiko anda meningkat jika anda berumur (60 tahun dan ke atas), telah menjalani pemindahan organ, mengalami masalah buah pinggang atau jika anda dirawat dengan kortikosteroid. Keradangan dan koyak pada tendon mungkin berlaku di dalam 48 jam pertama rawatan dan bahkan hingga beberapa bulan setelah menghentikan pengambilan rawatan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet. Pada tanda pertama kesakitan atau keradangan tendon (contohnya di pergelangan kaki, pergelangan tangan, siku, bahu atau lutut), berhenti mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet, hubungi doktor atau ahli farmasi dan biarkan anggota badan yang sakit tu berehat. Elakkan senaman yang tidak perlu kerana ini boleh meningkatkan risiko tendon koyak.

Neuropati periferai

Anda jarang mengalami gejala kerosakan saraf (neuropati) seperti sakit, rasa

terbakar, kebas dan / atau kelemahan terutama pada kaki dan kaki atau tangan dan lengan. Sekiranya ini berlaku, hentikan pengambilan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet dan maklumkan segera kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mengelakkan potensi perkembangan keadaan yang tidak dapat dielakkan.

Ambil Ciprofloxacin dengan makanan dan minuman

Melainkan jika anda mengambil Ciprofloxacin semasa makan, jangan makan atau minum apa-apa produk tenusu (seperti susu atau yogurt) atau minuman dengan kalsium tambahan apabila anda mengambil tablet, kerana ia boleh menjejaskan penyerapan bahan aktif.

Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini mungkin mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika tablet ini membuatkan anda berasa sakit, pening, letih, atau menyebabkan sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Fluoroquinolones menyebabkan kesan sampingan yang serius yang melibatkan tendon, otot, sendi dan saraf - dalam sebilangan kecil pesakit, kesan sampingan ini menyebabkan kecacatan berpanjangan atau kekal (lihat bahagian Sebelum mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet berfungsi dan Perkara yang perlu diberi perhatian).

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Gangguan Psikologi:

- Jarang: Kemurungan (berpotensi menyebabkan pemikiran untuk membunuh diri, percubaan bunuh diri yang berjaya) atau halusinasi

- Sangat jarang: reaksi psikotik yang berpotensi menyebabkan pemikiran untuk membunuh diri, percubaan bunuh diri, atau bunuh diri

Jangkitan dan Infestasi:

- Tidak biasa: Jangkitan kulat
- Jarang: Keradangan kolon yang berkaitan dengan antibiotik

Gangguan Sistem Darah dan Limfa:

- Tidak biasa: Kiraan sel darah putih yang tinggi
- Jarang: Kiraan sel darah putih yang rendah atau tinggi, anemia, kiraan platelet darah yang rendah atau tinggi
- Sangat jarang: Jenis pengurangan kiraan sel darah merah tertentu (*hemolytic anaemia*), penurunan berbahaya dalam jenis sel darah putih (*agranulocytosis*), penurunan dalam jumlah sel darah merah, sel darah putih dan platelet (*pancytopenia*), depresi sumsum tulang

Gangguan Sistem Imun:

- Jarang: Reaksi alergi, bengkak
- Sangat jarang: Reaksi alergi teruk, ruam

Gangguan Metabolisme dan Pemakanan:

- Tidak biasa: Penurunan selera makan dan pengambilan makanan
- Jarang: Gula dalam darah tinggi, gula dalam darah rendah

Gangguan Sistem Saraf:

- Tidak biasa: Sakit kepala, pening, kesukaran tidur, gangguan rasa
- Jarang: Par- dan disestesia, hipoaesthesia, *tremor*, sawan, vertigo
- Sangat jarang: Migrain, koordinasi terganggu, gangguan bau, sensitivity yang melampau terhadap rangsangan, tekanan pada otak (*intracranial pressure*)
- Tidak diketahui: Kerosakan saraf

Gangguan Mata:

- Jarang: Gangguan penglihatan
- Sangat jarang: Perubahan dalam persepsi warna

Gangguan Telinga dan Labirin:

- Jarang: Tinnitus (bunyi berdesing di telinga), kehilangan pendengaran

PHARMANIAGA CIPROFLOXACIN TABLET

Ciprofloxacin (as Hydrochloride) 500mg

- Sangat jarang: kurang pendengaran

Gangguan Jantung:

- Jarang: Denyutan jantung yang cepat atau tidak beratur
- Tidak diketahui: Gangguan irama jantung

Gangguan Vaskular:

- Jarang: Tekanan darah rendah, pingsan (*syncope*)
- Sangat jarang: Keradangan salur darah

Gangguan Pernafasan, Thoracic dan Mediastinal:

- Jarang: *Dyspnea* (kesukaran bernafas)

Gangguan Gastrointestinal:

- Biasa: Mual, cirit-birit
- Tidak biasa: Muntah, sakit gastrousus dan perut, gangguan pencernaan, perut kembung
- Sangat jarang: Keradangan pancreas

Gangguan Hepatobiliari:

- Tidak biasa: Peningkatan nilai enzim hati, peningkatan bilirubin
- Jarang: Kerosakan hati, jaundis, keradangan hati
- Sangat jarang: Kematian sel hati yang sangat Panjang menyebabkan kegagalan hati yang mengancam nyawa

Gangguan Kulit dan Tisu Subkutaneus:

- Tidak biasa: Ruam, gatal, urtikaria
- Jarang: Reaksi fotosensitiviti, lepuhan
- Sangat jarang: Pendarahan kecil, titik-titik di bawah kulit (*petechiae*), pelbagai letusan atau ruam kulit (contohnya, sindrom Stevens-Johnson atau nekrosis epidermal toksik yang berpotensi membawa maut)
- Tidak diketahui: Pustulosis eksantematosa akut yang tersebar

Gangguan Tisu Sambungan Musculoskeletal dan Tulang:

- Tidak biasa: Arthralgia (sakit sendi) atau sakit belakang
- Jarang: Sakit otot, arthritis, peningkatan nada otot dan kekejangan

- Sangat jarang: Kelemahan otot, keradangan tendon, pecah tendon, pemburukan simptom *myasthenia gravis*

Gangguan Ginjal dan Urinasi:

- Tidak biasa: Kerosakan buah pinggang
- Jarang: Kegagalan buah pinggang, darah dalam air kencing, sakit dan ketidakselesaan ketika membuang air kecil (*crystalluria*)

Gangguan Umum:

- Tidak biasa: Sakit yang tidak ditentukan, rasa tidak sihat, demam
- Jarang: Bengkak, berpeluh
- Sangat jarang: Masalah berjalan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet**-Penyimpanan**

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan mengambil Pharmaniaga Ciprofloxacin Tablet selepas tarikh tamat tempoh seperti yang dinyatakan pada label.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut**-Rupa dan warna produk**

Tablet putih bersalut filem, berbentuk bujur, dengan ikon Pharmaniaga di satu permukaan dan garisan belahan di permukaan yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Ciprofloxacin Hydrochloride
500mg

-Bahan tidak aktif

Silicone Dioxide, Croscarmellose Sodium, Opadry White, Microcrystalline Cellulose, Lactose, Magnesium Stearate, Purified Water

-Nombor MAL

MAL20021000AZ

Pemegang Pendaftaran Produk & PengilangPharmaniaga Manufacturing Berhad
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.**Tarikh kemaskini RiMUP**

06/08/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)190419/00101